

D776

U B655 A A B  
MAHATHIR - EKONOMI

KUALA LUMPUR, 30 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENINGATKAN RAKYAT SUPAYA MEMASTIKAN MEREKA TIDAK MELAKUKAN SESUATU YANG NEGATIF YANG BOLEH MENJEJASKAN EKONOMI NEGARA.

KATANYA, MEREKA PERLU BERHATI-HATI APABILA MENYEBUT MENGENAI STATISTIK-STATISTIK TERUTAMA YANG MUNGKIN MEMPUYAI PELBAGAI ANDAIAN.

PERBUATAN SEUMPAMA ITU BOLEH MENGELIRUKAN ORANG RAMAI DAN SUDAH TENTU TIDAK MENDATANGKAN KEBAIKAN KEPADA SESIAPA PUN, MALAH AKAN MENIMBULKAN PERASAAN IRI HATI DAN SYAK WASANGKA, KATANYA SEMASA MERASMIKAN PERHIMPUNAN AGUNG TAHUNAN KE-36 MCA DI WISMA MCA, DI SINI.

+SEBENARNYA, MENYEBUT DI KHALAYAK RAMAI STATISTIK TANPA ASAS-ASAS YANG KUKUH DAN KAJIAN YANG MENYELURUH MUNGKIN MEMBAWA PADAH KEPADA MASYARAKAT KITA.

+KITA HENDAKCAH MEMPELAJARI DARIPADA KESILAPAN YANG DAHULU DAN TIDAK MENGULANGI KESILAPAN ITU KERANA IA MEMBAWA KESAN YANG BURUK KEPADA NEGARA, + KATA BELIAU. -- LAGI

1349MST 30 07 89

D779

U B656 A A B  
MAHATHIR - EKONOMI 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA RAKYAT HENDAKLAH MENGELAKKAN DARIPADA MENGELUARKAN KATA-KATA YANG TIDAK BERASAS DAN MENJALANKAN TINDAKAN-TINDAKAN YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB YANG BOLEH MENGURANGKAN KEYAKINAN TERHADAP KESTABILAN DAN KEUTUHAN NEGARA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, WALAUPUN KADAR PERTUMBUHAN 8.7 PERATUS YANG DICAPAI TAHUN LEPAS MUNGKIN SUSAH DIATASI, TETAPI KERAJAAN YAKIN EKONOMI NEGARA AKAN MENCAPAI PERTUMBUHAN MELEBIHI 6 PERATUS BAGI BEBERAPA TAHUN AKAN DATANG.

KATANYA, EKONOMI NEGARA TELAH PULIH DAN PESAT BERKEMBANG DAN LANGKAH-LANGKAH MEMULIHKANNYA SELEPAS MENGHADAPI KEMELESETAN EKONOMI DUNIA AKAN TERUS DILAKSANAKAN SUPAYA KEKUKUHAN EKONOMI SEKARANG DAPAT DILANJUTKAN PADA TAHUN-TAHUN BERIKUTNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAN SEBENARNYA MEMPUYAI KEMAMPUAN DAN KEPAKARAN UNTUK MERANGKA DASAR EKONOMI NEGARA SELEPAS 19901 TETAPI MENUBUHKAN MAJLIS PERUNDINGAN EKONOMI NEGARA (MAPEN) UNTUK MEMBERI PELUANG KEPADA ORANG PERSEORANGAN DAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN MENYATAKAN PENDAPAT DAN PANDANGAN MEREKA.

KATANYA, KERAJAAN AKAN MENELITI SETIAP PERAKUAN OLEH MAPEN SEBAIK SAHAJA IA SELESAI MENJALANKAN TUGAS.

MAPEN MEMPUYAI BIDANG RUJUKAN YANG LUAS BAGI MEMBOLEHKAN SETIAP ANGGOTANYA MEMAINKAN PERANAN YANG BERMAKNA, TEGASNYA. -- BERNAMA

1356MST 30 07 89